

24/04/1999

Pas semai rasa benci kepada rakyat

SIK, Jumaat - Pas menggunakan kaedah `menyucuk jarum' di kalangan anggota masyarakat Islam dengan mengajak mereka membenci Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dilabelkan mereka sebagai `orang jahat.'

Selain pemimpin dan ahli Pas, ada juga pegawai kerajaan yang dikesan berjumpa dengan anggota masyarakat, terutama di pelosok kampung dan bercakap kononnya Perdana Menteri adalah pemimpin yang bertanggungjawab merosakkan negara.

Mendedahkan ini, Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman berkata: "Tusukan jarum itu sebagai virus yang menyebabkan nanah dan bakal meletup dalam pilihan raya umum akan datang."

Sehubungan itu, katanya, Umno akan melipatgandakan usaha memerangi usaha parti pembangkang itu melalui strategi berjumpa dengan anggota masyarakat bagi memperjelas keadaan sebenar, sekali gus menghapuskan virus terbabit sebelum ia menjadi nanah.

Menurut beliau, selain menggunakan ceramah politik untuk menanam sifat benci kepada Dr Mahathir, pemimpin dan ahli Pas juga bergerak dari rumah ke rumah untuk mengajak masyarakat menolak kepemimpinan Dr Mahathir.

"Kerja ini macam jarum halus yang dicucuk sedikit demi sedikit. Mereka tidak mengajak masyarakat membenci Umno, sebaliknya mengajak membenci Perdana Menteri.

"Apabila tiba pilihan raya, racun yang dibawa jarum itu yang selama ini menjadi bisul akan meletup kerana secara psikologi, orang akan benci apabila melihat poster Dr Mahathir yang kita gantung ketika pilihan raya.

"Ada juga pegawai kerajaan yang secara terang-terang bercakap kononnya Dr Mahathir orang jahat," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Sik, di sini hari ini.

(END)